

# KONSEP KOMUNIKASI ANTARA PELAJAR DENGAN GURU MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN: KAJIAN DI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN UGAMA ARAB, GUA MUSANG, KELANTAN

NURZATIL ISMAH BINTI AZIZAN  
MUHAMAD BASRI BIN CHE GHANI

Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

## ABSTRAK

*Komunikasi membawa maksud perhubungan secara langsung atau dengan perantaraan, mengadakan perhubungan berbincangan, bertukar-tukar fikiran atau menyampaikan maklumat. (Kamus Dewan, 2005). Kajian berkenaan komunikasi penting untuk dilaksanakan kerana pelajar kini tidak mengetahui kaedah komunikasi yang betul ia akan menimbulkan masalah dan perlu kepada kaedah komunikasi yang betul untuk mengelak daripada berlakunya masalah yang tidak diingini berlaku di antara pelajar dengan guru. Pengkaji dalam kajian ini menekankan aspek komunikasi menurut perspektif al-Quran dan as-Sunnah. Imam M. Qaraish Shihab dalam Tafsir al-Mishbah beliau mengatakan maka berkatalah kamu dengan kata-kata yang lemah lembut ianya menjadi dasar keperluan sikap kebijaksanaan dalam berkomunikasi yang disertakan dengan ucapan-ucapan lemah lembut yang tidak menyakitkan hati pendengar. Manakala menurut Imam Sayyid Quthb dalam Tafsir Fi Zhilalil Quran mengatakan kata-kata yang lembut itu dapat menghidupkan hati yang mati sehingga dapat menimbulkan perasaan takut untuk bercakap buruk. Pengkaji dalam kajian ini membahaskan berkenaan kaedah komunikasi yang bersesuaian yang boleh dijadikan rujukan kepada pelajar dan guru. Kajian ini berbentuk kajian kualitatif dengan menggunakan dokumen sebagai instrument kajian. Ia seterusnya dianalisis dengan pendekatan induktif bagi mendapatkan jawapan terhadap kaedah komunikasi yang digunakan antara pelajar dengan guru. Hasih kajian mendapati kaedah komunikasi menurut perspektif al-Quran dan as-Sunnah dengan betul mendatangkan kesan yang amat baik dikalangan pelajar dengan guru serta dengan tidak langsung dapat mengelak berkalunya masalah dalam berkomunikasi.*

**Kata Kunci:** Komunikasi, guru, pelajar, al-Quran, al-Sunnah, SMKUA.

## 1.0 PENGENALAN

Proses komunikasi adalah suatu proses yang berkaitan dengan tindakan manusia dengan dirinya sendiri, dengan orang lain dan juga dengan persekitarannya. Begitu juga dengan peranan dan tanggungjawab sebagai seorang guru dalam mengajar dan mendidik pelajar. Jelaslah di sini bahawa tugas seseorang guru tidak dapat dipisahkan daripada proses berkomunikasi dengan pelajar untuk menyampaikan ilmu kerana ia adalah amanah Allah S.W.T. Oleh sebab itu, mereka perlu berhati-hati untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan ini.

### **1.1 DEFINISI KOMUNIKASI**

Komunikasi berasal daripada perkataan Latin „communiatus“ yang membawa maksud berkongsi sesuatu. Definisi khusus komunikasi berdasarkan Kamus Dewan (2005) ialah perhubungan (secara langsung atau dengan perantaraan), mengadakan perhubungan (berbincang, bertukar-tukar fikiran) atau menyampaikan maklumat. Definisi khusus berdasarkan Mansor, Ramli dan Shawaluddin (1984), komunikasi ialah merupakan satu proses sesuatu idea, nilai, sikap dan sebagainya disalur dan dipindahkan serta dikongsikan oleh seseorang individu dengan orang lain.

### **1.2 MAKSUD KOMUNIKASI ISLAM**

Manusia dilahirkan untuk berkomunikasi dan bagi seorang Muslim, komunikasi yang dilakukan seharusnya tidak sama dengan orang lain yang bukan Muslim. Ini kerana segala sesuatu yang berhubung dengan proses komunikasi Islam, sama ada secara prinsip, kaedah, mesej, matlamat dan media hendaklah berasaskan panduan wahyu dan sunnah Rasulullah S.A.W. Malahan, amalan komunikasi ini dikira ibadat dalam kehidupan umat Islam. Berbeza dengan komunikasi konvensional pula hanya menitik beratkan soal etika dalam penyiaran dan komunikasi sahaja. Hukuman kepada pelanggaran etika bagi komunikasi konvensional berlaku di dunia sahaja, sedangkan hukuman bagi pelanggaran terhadap etika komunikasi dalam Islam berlaku hingga akhirat selagi ia tidak mendapat keampunan daripada Allah s.w.t.

Melihat kepada kejayaan yang dicapai oleh baginda Rasulullah s.a.w, sudah pasti terdapat garis panduan komunikasi dalam Islam yang perlu dipatuhi. Sebahagian besarnya dapat diambil daripada ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi s.a.w. seperti penekanan terhadap sumber maklumat yang sahih, mesej yang disampaikan perlulah berbentuk amar ma“ aruf nahi mungkar, bercakap menggunakan perkataan yang baik dan mulia serta banyak lagi. Ini adalah untuk memastikan komunikasi yang dilakukan adalah berkesan dan mencapai tujuan yang diingini sebagaimana yang ditunjukkan oleh baginda di dalam sirahnya.

### **1.3 PEMBAHAGIAN KOMUNIKASI**

#### **1. Komunikasi Lisan (Verbal)**

Bahasa merupakan unsur penting dalam komunikasi verbal. Pearson (2000) mengatakan bahawa bahasa adalah merupakan kod simbol, huruf atau perkataan dengan pelbagai makna yang disusun mengikut peraturan susunan ayat yang digunakan untuk berkomunikasi. Menurut Sulaiman (2002) pula, komunikasi jenis ini boleh berlaku secara langsung apabila dua orang berbual secara bersemuka. Komunikasi lisan juga dilihat boleh mengeratkan sillaturrahim antara manusia dan boleh menjalinkan hubungan peribadi antara dua manusia.

#### **2. Komunikasi Bukan Lisan (Nonverbal)**

Dalam usaha mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran yang baik, komunikasi tanpa lisan adalah perlu. Ini penting kerana kajian yang dijalankan oleh Birdwhistell (1955 dalam Che Su dan Mohd Fo" ad, 1993) menunjukkan bahawa lebih kurang 35 peratus komunikasi lisan dan selebihnya adalah komunikasi tanpa lisan. Sementara Harisson (1974, dalam Che Su dan Mohd Fo" ad, 1993) menghuraikan bahawa 93 peratus daripada makna yang disampaikan melalui komunikasi adalah bersifat tanpa lisan. Komunikasi bukan lisan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis iaitu komunikasi isyarat dan komunikasi visual. Komunikasi isyarat ialah makna yang dilahirkan oleh bunyi, gerakan anggota badan, memek muka, objek atau sebarang rekabentuk yang diluar daripada penggunaan biasa oleh sistem bahasa yang formal.

#### **1.4 KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Sekolah merupakan institusi sosial yang sangat menekankan kepentingan komunikasi berkesan di dalam kelas bagi mewujudkan perkembangan sosial sejagat. Pembelajaran berkesan merupakan proses interaktif yang memberi ruang kepada pelajar untuk berinteraksi, saling bantu, menjalankan tanggungjawab, membina keyakinan diri dan seumpamanya. Ia dijalankan dalam suasana yang menarik dan menyeronokkan supaya dapat menjadi pendorong kepada pelajar bagi menyalurkan pendapat dan fikiran secara berkesan. Selain itu, komunikasi berkesan juga memberi penekanan dari aspek kemahiran sosial supaya dapat membantu pelajar bertindak balas dengan persekitaran dan mengawal diri dalam menghadapi cabaran bagi mencapai dan meningkatkan kecemerlangan diri.

#### **1.5 PRINSIP KOMUNIKASI ISLAM**

Prinsip komunikasi berdasarkan ayat al-Quran:

1. Bercakap dengan lemah lembut.

Firman Allah s.w.t:

فَقُولَا لَهُ، قَوْلًا لِّيَنًا لَعَلَهُ، يَتَذَكَّرُ أَوْ تَخْشَىٰ

Maksudnya:

"Kemudian hendaklah kamu berkata kepadaNya, Dengan kata-kata Yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut".

Ta Ha (20): 44

Menurut Imam M. Qaraish Shihab dalam Tafsir al-Mishbah beliau mengatakan maka berbicaralah kamu berdua kepadanya dengan kata-kata yang lemah lembut ianya menjadi dasar keperluan sikap kebijaksanaan dalam berdakwah yang didatangi dengan ucapan-ucapan lemah lembut yang tidak menyakitkan hati sasaran dakwah.

Menurut Syaikh Imam Al-Qurthubi dalam tafsir beliau menyatakan bahawa, dengan menggunakan kata-kata yang lemah lembut ianya menjadi salah satu dari amar mak'ruf nahyi munkar sekiranya dilakukan oleh orang yang mempunyai kekuatan hati dalam hati.

2. Menggunakan perkataan yang baik.

Firman Allah s.w.t:

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا أَلَّا تَهِي أَحَسْنُ إِنَّ الْشَّيْطَنَ يَنْزَعُ بَيْنَهُمْ إِنَّ الشَّيْطَنَ كَارِئٌ لِلنَّاسِ

عَدُوًّا مُّبِينًا

Maksudnya:

“Dan Katakanlah (Wahai Muhammad) kepada hamba-hambaKu (yang beriman), supaya mereka berkata Dengan kata-kata Yang amat baik (kepada orang-orang Yang menentang kebenaran). Sesungguhnya Syaitan itu sentiasa menghasut di antara mereka (yang mukmin dan Yang menentang); Sesungguhnya Syaitan itu adalah musuh Yang amat nyata bagi manusia”.

Al-Isra' (17): 53

Imam M-Qaraish Shihab dalam kitamnya Tafsir Al-Mishbah, beliau mengatakan ayat ini berpesan agar jangan bersikap keras dan kasar kerana ianya dapat mewujudkan masalah yang besar serta akan berlaku perpecahan. Tidak kira siapapun, sekiranya kita menggunakan perkataan yang baik akan lahir simpati dan dapat melembutkan hati keras.

Dalam Tafsir Ibnu Kasir, Allah s.w.t memerintahkan hambanya yang beriman supaya bercakap dengan menggunakan perkata yang baik. Oleh yang demikian, sekiranya tidak menggunakan perkataan yang baik dalam percakapan maka syaitan akan mencari peluang kejahanan, perselisihan dan pertikaian. Sesungguhnya syaitan itu merupakan musuh yang nyata.

3. Bercakap benar.

Firman Allah s.w.t:

وَإِذَا قُلْتُمْ فَاعْدِلُوا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَبِعَهْدِ اللَّهِ أَوْفُوا ۝ ذَلِكُمْ بِهِ وَصَنْكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَذَكَّرُونَ

Maksudnya:

“Dan apabila kamu mengatakan sesuatu (semasa membuat apa-apa keterangan) maka hendaklah kamu berlaku adil, sekalipun orang itu ada hubungan kerabat (dengan kamu); dan perjanjian (perintah-perintah) Allah hendaklah kamu sempurnakan. Dengan Yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu beringat (mematuhiNya)”.

Al-An'am (6): 152

Dalam Tafsir Al Mishbah menyatakan, setiap ucapan atau perkataan yang digunakan perlu dijauhi daripada sifat ego dan perlu dijauhi dengan sifat ingin menyebalih mana-mana pihak walaupun ianya dari keluarga sendiri. Oleh itu, tidak kira dengan siapa kita bercakap

hendaklah kita menggunakan perkataan yang benar. Apabila kita bercakap, maka hendaklah kita menggunakan perkataan yang benar untuk mengelak dari sebarang perkara yang tidak diingini berlaku. Biar orang yang mendengar apa yang diucapkan merasa tenang bukan merasakan sebaliknya.

Manakala dalam Tafsir Ibnu Katsir menyatakan, Allah s.w.t memerintahkan supaya kita berlaku adil dalam setiap perkara yang kita lakukan mahupun dalam setiap percakapan seharian kita. Tidak kira siapa orang yang kita berintraksi, kita dikehendaki berlaku adil dengan walaupun hakikatnya dia dari kerabat kita sendiri. Berlaku adil ini tidak kira dima dan bila waktunya, berlaku adil ini juga tidak memilih siapa orangnya. Penuhilah perintah Allah s.w.t dengan mentaati segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya.

#### 4. Menggunakan hikmah dan nasihat yang baik.

Firman Allah s.w.t

أَدْعُ إِلَي سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَدِلْهُم بِالْتِي هِيَ أَحَسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ



Maksudnya:

“serulah ke jalan Tuhanmu (Wahai Muhammad) Dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran Yang baik, dan berbahaslah Dengan mereka (yang Engkau serukan itu) Dengan cara Yang lebih baik; Sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang Yang sesat dari jalannya, dan Dia lah jua Yang lebih mengetahui akan orang-orang Yang mendapat hidayah petunjuk”.

Al-Nahl (16): 125

Dalam Tafsir Fi Zilalil Quran menyatakan, ayat tersebut menjelaskan mengenai meletakkan dakwah dan dasar-dasarnya, menentukan sasaran-sasaran dan cara-cara perjuangannya, menggariskan peraturan dakwah kepada Rasulullah yang budiman dan kepada pendakwah selepasnya dalam rangka usaha menyampaikan agama Allah yang benar.

Dalam Tafsir Al-Mishbah ayat tersebut menerangkan metode dakwah yang perlu digunakan dengan kebijaksanaan. Dalam hal tersebut seseorang memerlukan pengatahan yang tinggi untuk menyampaikan dakwah dengan hikamh dan menggunakan nasihat yang baik.

#### 5. Melaksanakan apa yang dikata.

Firman Allah s.w.t:

كَبُرْ مَقْتاً عِنْدَ اللَّهِ أَنْ تَقُولُوا مَا لَا تَفْعَلُونَ



Maksudnya:

“Sangatlah dibenci di sisi Allah jika kamu mengatakan apa-apa yang tidak kamu kerjakan”.

As-Saf (61): 3

Ayat tersebut menjadi dalil tentang kewajipan memenuhi apa yang dikatakan walau dalam keadaan macam mana sekalipun tertekan atau marah. Oleh yang demikian, sekiranya tidak memenuhi apa yang dijanjikan tersebut, maka amat besarlah kebencian Allah s.w.t terhadap apa yang tidak mereka lakukan.

Dalam Tafsir Ibnu Katsir menyatakan, apabila janji yang dibuat ada kaitan dengan sesuatu perkara harus ditunaikan kepada orang yang dijanjikan tersebut, janji tersebut harus dipenuhi sebagaimana yang telah dijanjikan.

## **1.6 KESIMPULAN**

Dalam konsep komunikasi antara pelajar dengan guru menurut perspektif Al-Quran sebagai mana yang telah dijelaskan iaitu bercakap dengan lemah lembut, menggunakan perkataan yang baik, bercakap benar, menggunakan hikmah dan nasihat yang baik dan melaksanakan apa yang dikata. Kesemua itu dapat diterapkan semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

Oleh yang demiakian, dalam komunikasi tersebut perlu menguasai kaedah komunikasi yang berkesan untuk dijadikan panduan semasa berkomunikasi supaya ianya tidak menimbulkan masalah. Halangan dalam komunikasi juga perlu dijauhi supaya tidak menjadi penyebab kepada masalah semasa menyampai atau penerima maklumat.